

BOTAK LEHER PUTIH
Woolly-necked Stork

FAMILI: Ciconiidae
NAMA SAINTIFIK: *Ciconia episcopus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi sub-spesies *C.e.episcopus* mempunyai bulu berwarna ungu berkilat hingga hitam kehijauan, dengan topi hitam dan leher serta tongkeng putih yang jelas berbeza. Paruh kehitaman dengan hujung dan rabung paruh atas merah gelap. Kulit yang terdedah pada bahagian muka berwarna kelabu gelap manakala kaki berwarna merah pudar. Terdapat warna gangsa pada bulu pahat atas sayap. Ekor pendek, bercabang dan berwarna hitam. Ekornya kelihatan putih kerana bulu pahat bawah ekor yang mengunjur. Individu juvenil hampir sama seperti individu dewasa tetapi bahagian bulu yang berwarna gelap berwarna coklat gelap, dengan dahi berbulu dan paruh serta kaki yang lebih pudar. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 75 sm-91 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada ikan, amfibia, reptilia, serangga besar, krustasia dan moluska.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan berpayau, hutan paya air tawar, kolam dan sungai di kawasan hutan yang terbuka.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari hingga Mei dan Ogos hingga November (berkemungkinan sepanjang tahun). Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna putih. Sarangnya berbentuk seperti platform yang besar, dibina pada pokok, 20 m-30 m dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.